

Pindaan perlu diwartakan akhir bulan ini

Tambah kerusi: Tak ada jalan singkat

KUALA LUMPUR, Isnin — Suruhanjaya Pilihanraya menegaskan tidak ada jalan singkat bagi memudahkan proses penambahan kerusi pilihanraya Parlimen dan Negeri jika pindaan Perlembagaan tidak diwartakan menjelang akhir bulan ini.

Sumber-sumbernya berkata proses menambahkan peruntukan kerusi itu tidak

akan dapat dilaksanakan jika masalah sekarang tidak diselesaikan sehingga tempoh itu.

Jika masalah yang berbangkit sekarang bertepatan dengan Rang Undang-Undang itu gagal diselesaikan sebelum akhir Julai depan, Suruhanjaya hanya boleh membuat cadangan baru 10 tahun lagi.

Menurut satu sumber, Suruhanjaya Pilihanraya hanya mempunyai masa lapan

bulan untuk menjalankan kerja berkaitan dengan pembentukan kerusi tambahan itu di bawah Fasal 46 Perlembagaan.

Masa yang ada itu hanyalah cukup untuk menyelesaikan segala urusan penting.

Bagi amalan biasa, Suruhanjaya Pilihanraya memerlukan masa tidak kurang dari sepuluh bulan. Ini bermakna kerja-kerja yang patut dijalankan itu kebelakang selama dua bulan setakat ini.

Sumber itu berkata proses berperingkat yang mengambil masa itu tidak dapat dielakkan kerana ia adalah 'perintah' (mandatory) yang mesti dijalankan.

Naib Presiden Umno Encik Ghafar Baba baru-baru ini menjelaskan jika segala-galanya tidak dapat diselesaikan sehingga akhir bulan ini, peruntukan tambahan kerusi itu tidak akan dapat dijalankan ke-

rana kesuntukan masa.

Menurut amalan biasa, selepas rang undang-undang diwartakan, cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya akan dipamerkan kepada rakyat selama sebulan. Kemudian Suruhanjaya terpaksa mengambil masa sebulan lagi bagi menunggu rayuan.

Selepas itu, pegawai-pegawai Suruhanjaya akan melawat negeri-negeri untuk mendengar rayuan secara terbuka dan ini memerlukan dua hingga tiga bulan.

Dalam tempoh antara lima dan enam bulan berikutnya, Suruhanjaya terpaksa membuat beberapa pindaan dan pengubahsuaian sekiranya ada perkara berbangkit. Kemudian, cadangan itu akan dipamerkan semula sebelum laporan akhir dibawa semula ke Parlimen.

Pada masa ini, walaupun segala persiapan telah diatur, Suruhanjaya tidak dapat berbuat apa-apa selagi Rang Undang-Undang itu tidak diwartakan.

Beliau berkata perkara pertambahan kerusi pilihanraya telah diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Undangan Negeri-Negeri tetapi proses pelaksanaannya tidak dapat dijalankan sehingga ia diwartakan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia